

**Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 85 )**

**Tarikh: 28 Oktober 2013**

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **MBPJ Jayakan Sambutan Hari Haiwan Sedunia 2013**

SEKSYEN 3, 26 OKTOBER – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menganjurkan Forum Pemilik Haiwan Yang Bertanggungjawab sempena sambutan Hari Haiwan Sedunia 2013.

Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan MBPJ, Dr Chithradavi Vadivelu berkata, MBPJ sentiasa melaksanakan operasi penangkapan anjing liar di beberapa kawasan yang dikuatir mengundang serangan penyakit kepada masyarakat setempat.

Menurutnya, anjing-anjing liar itu dapat memberi kesan kepada masalah kesihatan dan operasi tersebut dilaksanakan bagi mengurangkan jumlahnya.

“MBPJ juga akan mengenakan kompaun sebanyak RM250 ke atas mana-mana pemilik rumah pangapuri yang memelihara anjing di kawasan kediaman mereka,” jelasnya.

Menurutnya, kompaun tersebut tertakluk di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembibitan Anjing MBPJ 2007 bagi memastikan sesiapa yang didapati bersalah dikenakan penalti sebanyak RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.

Penguatkuasaan tersebut dilaksanakan bagi memastikan pemilik haiwan yang tidak bertanggungjawab dan melakukan perbuatan kejam terhadap haiwan peliharaan mereka itu diambil tindakan.

Forum Pemilik Haiwan Yang Bertanggungjawab itu dapat digunakan sebagai platform bertukar-tukar pandangan dan idea yang baru bagi memastikan tahap kesihatan dan keselamatan haiwan peliharaan sentiasa dijaga.

Beliau berkata, forum itu diharapkan dapat memberi kefahaman kepada peserta supaya lebih bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan sama ada yang liar mahupun jinak.

Ceramah yang dijalankan melibatkan isu masalah dan cabaran yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kekejaman terhadap haiwan, nutrisi makanan anjing dan kucing serta pengawalan sengkenit, kutu dan tinjal haiwan kesayangan.

Forum itu turut mendapat kerjasama daripada Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya, Malaysian Kennel Association serta tajaan daripada Rhone Ma Malaysia Sdn Bhd dan Eukanuba Malaysia.

Forum telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sri Andalas, Xavier Jayakumar dan turut dihadiri oleh Ahli Majlis MBPJ, merangkap Pengerusi Jawatankuasa *Canine Advisory Team* (CAT), Anthony Sivabalan Thanasayan.

Hari Haiwan Sedunia disambut pada 4 Oktober setiap tahun dan MBPJ satu-satunya PBT yang menjayakan sambutan Hari Haiwan Sedunia pada setiap tahun sejak tahun 2010.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan  
203/208,  
Faks : 03-79582695. (**Puan Zainun bt Zakaria, / En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar**)